

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	01 JANUARY 2017

BRIM DIHINA

APA sahaja yang dibuat oleh kerajaan walaupun ia membawa kebaikan kepada rakyat sentiasa dikritik oleh pembangkang. Hatta Bantuan Rakyat Malaysia (BRIM) yang diperkenalkan oleh kerajaan bagi membantu meringankan beban golongan kurang berkemampuan turut tidak terkecual.

Pelbagai gelaran dan tuduhan dilemparkan terhadap insentif itu yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bermula dengan RM500 pada 2012 dan meningkat kepada RM1,200 pada tahun hadapan.



MAHATHIR MOHAMAD

Rasuah, dedak dan umpan serta gula-gula politik dan menyebabkan rakyat jadi malas antara kecaman yang dilemparkan terhadap BRIM.

Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan antara yang paling lantang mengkritik pemberian BRIM. Baru-baru ini, bekas Perdana Menteri itu sekali lagi mendakwa BRIM adalah satu bentuk rasuah untuk meraih undi dalam pilihan raya dan pemberiannya adalah salah di sisi undang-undang. Apakah benar BRIM adalah rasuah seperti yang didakwa oleh Mahathir?

1 Kenapa BRIM bukan rasuah?

- BRIM bukan rancangan politik untuk membeli undi sebaliknya diilhamkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) bagi membantu golongan berpendapatan rendah yang mewakili 40 peratus penduduk negara.
- Bantuan termasuk dalam bentuk wang tunai daripada kerajaan kepada rakyat tidak boleh dianggap sebagai rasuah.
- BRIM adalah dasar pemberian bantuan daripada kerajaan kepada semua golongan sasaran yang layak tanpa mengira bangsa, agama dan latar belakang politik. Ini termasuklah penyokong dan mereka yang mengundi parti pembangkang dalam pilihan raya. Sekiranya rasuah atau habuan, BRIM hanya diberikan kepada pengundi yang berjaya membuktikan mereka mengundi Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya.
- Konsep BRIM menyerupai konsep pemberian zakat dalam Islam kerana menumpukan kepada kumpulan sasaran sama seperti golongan asnaf.
- Penerima BRIM tidak dipaksa mengundi BN dan mereka ada pilihan untuk menerima atau menolak BRIM.
- BRIM diperkenalkan pada 2012 tetapi dalam Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) pada 2013, BN tetap kalah di Kelantan, Selangor dan Pulau Pinang. Program itu jelas tidak mempengaruhi sokongan pengundi.
- Tun Dr. Mahathir boleh melaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) jika yakin BRIM adalah rasuah.

2 BRIM bukan konsep asing

- Program pemberian wang tunai kepada rakyat yang memerlukan sudah diamalkan di banyak negara di seluruh dunia. Antaranya program *Food Stamps* di Amerika Syarikat (AS) dan *Social Fund* (United Kingdom).
- Terbaharu, Indonesia memperkenalkan program kad Kartu Keluarga Sejahtera serta Kartu Indonesia Sehat (Indonesia) bagi membantu golongan miskin. Mulai awal Disember lalu, Thailand memberikan wang tunai antara RM186 hingga RM434 yang dimasukkan terus ke dalam akaun penerima bagi membantu hampir tujuh juta rakyatnya yang miskin tegar.

3 Kenapa marah BRIM?

- Pembangkang sedar kekuatan BRIM dan bimbang bantuan yang diberikan oleh kerajaan itu akan mengurangkan pengaruh mereka dalam kalangan rakyat.
- BRIM merupakan antara pelbagai program kebajikan yang diperkenalkan oleh kerajaan bagi membantu rakyat yang kurang berkemampuan. Di bawah pentadbiran Najib, selain BRIM, pelbagai program bantuan sosial lain diwujudkan termasuk bantuan pelajar sekolah, bawar buku, bantuan kepada individu bujang dan rebat telefon bimbit. Projek Perumahan Rakyat (PRIMA) juga diperkenalkan dan diperbebankan bagi membantu rakyat memiliki rumah mampu milik.
- Pembangkang menawarkan pelbagai janji manis dalam manifesto pilihan raya tetapi pelaksanaannya tidak seperti yang dijanjikan.

Kalau BRIM dituduh rasuah, bagaimana pula dengan...

- Kerajaan PKR di Selangor melaksanakan skim air percuma 20 meter padu pertama untuk setiap kediaman di negeri itu. Walaupun menawarkan skim air percuma 20 meter padu pertama, rakyat Selangor kerap mengalami gangguan bekalan air. Berbanding pemberian BRIM yang ada kumpulan sasaran, skim air percuma dinikmati semua termasuk orang kaya.
- Skim bas percuma Bas Selangorku boleh digunakan oleh semua orang termasuk orang kaya dan warga asing. Begitu juga dengan kemudahan bas percuma yang disediakan oleh Kerajaan DAP Pulau Pinang di kawasan tertentu.
- Pemberian RM1,500 kepada bayi yang dilahirkan di Selangor menerusi Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) dan wang tersebut hanya boleh dikeluarkan ketika berusia 18 tahun. Skim ini juga mencetuskan kontroversi termasuk tentang soal bayaran dan bilangan bayi yang didaftarkan.
- Pemberian subsidi secara pukal termasuk subsidi baja dan padi kepada pesawah di zaman Mahathir diukmati semua tanpa mengira mereka kaya atau miskin.
- Pakatan pembangkang menawarkan pelbagai janji dalam manifesto berkonsepkan negara berkeadilan semasa PRU-13. Antaranya menurunkan harga minyak, caj air dan elektrik, menghapuskan tol, menurunkan harga kereta, pendidikan percuma, menghapuskan hutang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) serta menghapuskan sistem pengukuasaan automatik (AES) dan saman AES.

Penerima BRIM

2012: 4.1 juta
2013: 6.8 juta
2014: 6.9 juta
2015: 7.3 juta
2016: 7.3 juta

Apa kata mereka?

"(BRIM) memang patut diberikan kepada rakyat. Ia bukan rasuah. Ia adalah hak rakyat. Jika rakyat layak mendapat sebarang bantuan daripada kerajaan, ia patut diberikan kepada mereka."

DATIN SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL
Presiden PKR

"BRIM banyak membantu golongan miskin serta menunjukkan negara sedang menuju ke arah kebajikan dalam mengekalkan kesejahteraan."

TAN SRI HARUSSANI ZAKARIA
Mufti Perak

"SAJA fikiran BRIM adalah program yang agak berjaya... BRIM merupakan subsidi terbesar, dan merupakan cara untuk memastikan golongan miskin tegar diberikan bantuan."

WONG CHEN
Ahli Parlimen Kelana Jaya daripada PKR

"BRIM tidak boleh diklasifikasikan sebagai rasuah kerana di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 ia bukannya satu perbuatan jenayah. Sebabnya kalau beri rasuah mesti ada tujuan atau dorongan yang menyalahi undang-undang seperti merasuah bagi mendapatkan sesuatu daripada satu pihak dalam membuat sesuatu tindakan atau keputusan. Dalam hal ini, kerajaan beri bantuan kepada orang ramai dan tiada niat untuk melakukan perbuatan jenayah. Justeru ia tidak boleh dikatakan sebagai rasuah dan rakyat tidak dipengaruhi untuk membuat sesuatu keputusan apabila menerima BRIM."

DATUK AZAM BAKI
Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM

"MEREKA (penerima BRIM) harga (bantuan ini) dan tidak rasa ini tidak baik. Mereka ucap terima kasih dan hargainya (kerana) dapat kurangkan beban. Bantuan ini sudah ada impak. Saya tidak fikir mereka akan termakan (dakwaan) pembangkang. Pihak pembangkang bimbang dengan pemberian BRIM kerana langkah ini dilatih dapat mengurangkan pengaruh mereka kerana usaha kita membantu rakyat."

TAN SRI MUHYIDDIN YASSIN
ketika masih menjadi Timbalan Perdana Menteri dalam satu majlis di Pagoh pada 2014